

Majlis menandatangani MoU

- i. CRUSK Assembler Sdn Bhd**
- ii. Genaxis Sdn. Bhd.**

6 November 2019, 3.00 – 4.30 petang

Bilik Mesyuarat Utama

1. Delegasi dari CRUSK Assembler Sdn Bhd

- a. En. Zulkifli bin Kasim, President & CEO
- b. Pn. Fatin Syuhada bt Mohd Hazim, Assistant Manager
- c. Pn. Siti Nur Aliaa bt Shahrin, Head of Manufacturing Department
- d. Pn. Syamimi binti Samsudin, Executive Assistant to CEO

2. Delegasi Genaxis Sdn. Bhd.

- a. Pn. Hajah Nuraslina Zainal Abidin, Pengarah Urusan
- b. En. Safuan Yusof, Ketua Pegawai Digital
- c. En. Mohd Ghaus Omar
- d. En. Ramindra Rajaram
- e. Pn. Shahrul Bariah
- f. En. Bill Teoh

3. Delegasi UTeM

- a. Prof. Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- b. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- c. Prof. Ts. Dr. Goh Ong Sing, Penolong Naib Cnaselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
- d. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah, Pengarah AMC
- e. Dekan-Dekan Fakulti, Hadirin dan Hadirat sekalian.

PENDAHULUAN

1. Selamat datang kepada CRUSK Assembler Sdn Bhd. dan Genaxis Sdn. Bhd. ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Kampus Induk dan Selamat Datang ke Melaka Bandar Warisan Dunia UNESCO.
2. Terima kasih di atas kesudian rakan industri yang sudi untuk berkolaborasi bersama UTeM menerusi MoU yang bakal dimeterai pada hari ini.
3. Saya amat yakin kerjasama strategik ini bukan sahaja memberi manfaat terhadap perkembangan akademik dan penyelidikan di UTeM malah dapat mewujudkan sinergi yang memberi impak yang lebih dinamik kepada rakan-rakan industri.
4. Kewujudan UTeM sebagai universiti teknikal di negara ini diharapkan dapat saling membantu dan melengkapi ekosistem akademia – industri dan komuniti di negara ini.

INTIPATI KERJASAMA STRATEGIK

1. Dalam meningkatkan kerjasama dengan industri luar, Pusat Kejuruteraan Termaju (AMC) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah mengenal pasti potensi kerjasama dengan CRUSK Assembler Sdn. Bhd. dan Genaxis Sdn. Bhd. yang mana setiap daripada rakan industri ini mempunyai kepakaran tersendiri.
2. Kerjasama antara UTeM dan CRUSK Assembler Sdn. Bhd. adalah seiring dengan dua bidang tujahan FKP dan UTeM iaitu '*Emerging Technology*' dan '*Green Technology*'. Kumpulan penyelidikan yang terlibat di Fakulti adalah dibawah CoE "*Centre of Smart and Innovative Design*" (Cossid) dan AMC.
3. Kami berharap menerusi MoU bersama CRUSK Assembler ini, kita dapat:
 - a. Merekabentuk dan membangunkan komponen-komponen automotif yang telah dikenalpasti untuk dikomersilkan. Antaranya ialah pembangunan produk baharu iaitu "*lower control arm*" untuk kenderaan cekap tenaga.
 - b. Menjalankan usaha sama bagi mewujudkan pusat penyelidikan dan pembangunan (RND) produk automotif.
 - c. Mewujudkan ekosistem pengeluaran produk automotif yang kondusif dan dapat menjimatkan kos.

4. Manakala kerjasama dengan Genaxis Sdn. Bhd pula adalah seiring dengan dua bidang tujahan AMC dan UTeM iaitu ‘Smart Computing and Business Intelligence’ dan ‘Smart Manufacturing and Automation’. Kerjasama ini juga amat penting dalam perancangan pembangunan sumber manusia dan kemajuan karier melalui program akademik seperti *industrial postgraduate program*, *post doctorate*, *sabatical industry attachment* dan *student internships*. Pada masa ini terdapat 7 orang pelajar sedang menjalani latihan industri di syarikat ini dan 4 orang graduan UTeM yang telah bekerja dengan syarikat ini. Terima kasih kerana memberi kepercayaan yang tinggi kepada graduan UTeM.

HARAPAN

1. UTeM berharap dengan adanya MoU antara UTeM dengan rakan industri ini dapat merencanakan lagi aktiviti keserjanaan seperti dapat melaksanakan pemindahan pengetahuan dan kemahiran untuk upskilling tenaga pengajar fakulti dan warga industri, menambahbaik kualiti program akademik universiti, pembangunan produk R&D seperti pembangunan prototaip komponen yang akan dihasilkan, melaksanakan pelbagai projek menerusi kerjasama di bawah *matching grant*, *joint-research*, dan lain-lain lagi.
2. Selain itu, menerusi kerjasama strategik ini diharapkan dapat meningkatkan lagi visibiliti UTeM dan semua rakan industri sama ada di peringkat dalam mahupun luar negara.
3. Namun, apa yang lebih penting, menerusi kolaborasi ini diharapkan dapat merealisasikan hasrat UTeM sebagai solution provider kepada industri dan masyarakat, secara langsung dalam melengkapi ekosistem akademia, industri dan masyarakat secara keseluruhannya.

PENUTUP

1. Akhir kata, diharapkan MoU UTeM bersama CRUSK Assembler Sdn. Bhd., dan

Genaxis Sdn. Bhd. akan berterusan untuk jangka masa yang panjang, dan aktif menerusi pelaksanaan pelbagai program kerjasama strategik yang memberikan manfaat bersama.

2. Insya Allah, kolaborasi bersama ini dapat diperkukuhkan sehingga ke peringkat MoA.

Terima kasih.